



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 2 JANUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	60 TERIMA BANTUAN TABUNG BENCANA, SETEMPAT, METRO AHAD -18	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

Headline	60 terima bantuan tabung bencana		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	02 Jan 2022	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	120,979
Page No	18	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	125 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,905
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,715



60 terima bantuan tabung bencana

Kuantan: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menyenarai pendek 60 usahawan yang terjejas akibat banjir untuk menerima bantuan tabung bencana di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi).

Ketua Pengarahnya, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli berkata, usahawan pasar tani dan agro bazar yang mengalami kerosakan peralatan serta barangan berpeluang menerima bantuan berkenaan.

Menurutnya, pihaknya akan memohon bantuan tabung bencana Mafi sebagai usaha membantu mereka yang terjejas disebabkan bencana banjir minggu lalu.

“Bantuan tabung bencana untuk usahawan Fama yang disediakan Mafi bukan ganti rugi, sebaliknya bagi meringankan beban mereka selepas barangan dan peralatan mereka rosak.

“Saya menjangkakan jumlah usahawan yang terjejas kerana banjir akan bertambah berikutan gelombang kedua banjir kini sedang berlaku di beberapa negeri,” katanya selepas mengadakan lawatan pasca banjir di daerah ini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Fama Pahang Saiful Sadri.

Zainal Abidin berkata, bagi tanaman pekebun yang musnah ditenggelami banjir, mereka berpeluang menerima bantuan tabung

bencana Mafi yang diuruskan oleh Jabatan Pertanian Negeri.

Menurutnya, bencana banjir turut membabitkan seramai 100 kakitangan Fama seluruh negara termasuk 26 kakitangan Fama Pahang.

“Fama menyediakan sebanyak 102.75 tan sayuran dan buah bernilai RM340,486 yang diagihkan kepada golongan memerlukan di bawah program Mafi Prihatin sejak Mei tahun lalu.

“Bantuan berkenaan diterima lebih 40,257 pengguna yang terkesan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seterusnya bencana banjir yang sedang berlaku,” katanya.